

KUALA LUMPUR, 14 JULAI (BERNAMA) -- KERIMPINAN DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BUKANLAH PUNCA KEMELESETAN EKONOMI YANG TERUK DARI TAHUN 1986 HINGGA 1987, KATA MENTERI PENDIDIKAN ANWAR IBRAHIM HARI INI.

DISAMPING DAKWAAN ITU MELESET SAMA SEKALI, KADAR PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA SEHINGGA SEKARANG SANGAT MEMBANGGAKAN SERTA MEMBUKTIKAN KEPIMPINAN BELIAU TIDAK BOLEH DIPERTANGGUNGJAWABKAN KE ATAS KEADAAN EKONOMI KETIKA ITU.

SEMASA BERCAKAP KEPADA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN MELAYU MALAYSIA CAWANGAN WILAYAH PERSEKUTUAN DI SINI, ENCIK ANWAR BERKATA, SEMENTARA MENGHADAPI KEMELUT EKONOMI YANG DAHSYAT KETIKA ITU, NEGARA JUGA MENGALAMI KETEGANGAN POLITIK YANG SENGIT.

+DAN PADA MASA ITU, KEPIMPINAN KERAJAAN DAN PARTI TERMASUK UMNO HAMPIR-HAMPIR DALAM KEADAAN BERTAHAN KERANA SEMUA YANG MENYUARAKAN KRITIKAN TERHADAP KERAJAAN PADA MASA ITU BERPENDAPAT SALAHNYA IALAH KERANA DASAR DAN CARA KEPIMPINAN DATUK SERI DR MAHATHIR,+ KATANYA.

+SEHINGGA ADA YANG MENGATAKAN JIKA MAHU JAMIN EKONOMI MAJU, MAKA PEMIMPIN HARUS DIGANTI DAN PANDANGAN ITU DISOKONG OLEH SEKELOMPOK KECIL USAHAWAN. MEREKA BERKATA, KALAU KEPIMPINAN KEKAL, TIDAK MUNGKIN NEGARA AKAN MAMPU MENINGKATKAN EKONOMI.+ -- LAGI.

1717MST 14 07 90

D714

R B175 BAH
ANWAR - EKONOMI 2 KUALA LUMPUR

ENCIK ANWAR BERKATA, MEREKA YANG MENYUARAKAN PANDANGAN ITU PADA MASA YANG SAMA BERSETUJU BAHAWA WUJUDNYA KEPAKARAN +SEORANG DUA TOKOH+ ITU TIDAK BOLEH DITUKAR GANTI DALAM PENGURUSAN EKONOMI.

DALAM HUBUNGAN INI, PENDAPAT ITU TIDAK BOLEH DITERIMA KERANA SEORANG DUA TOKOH YANG DIMAKSUDKAN ITU JUGA TERBABIT DALAM BANYAK KARENAH EKONOMI SERTA MEROSAKKAN BANYAK KEGIATAN KERANA SIKAP BOROS, CUAJAI DAN MEMPERALATKAN SELURUH KEKUATAN EKONOMI KERAJAAN UNTUK KEPENTINGAN POLITIK DIRI.

MENTERI ITU BERKATA, TOKOH YANG SAMA JUGA MENGANGKAT DARJAT BEBERAPA PENIAGA BUKAN BUMIPUTERA SEHINGGA BEBERAPA RATUS KALI GANDA DAN MENJADIKAN MEREKA LEBIH MAJU DALAM PERNIAGAAN KERANA DASAR SOKONGAN LUAR BIASA OLEH TOKOH-TOKOH ITU.

SEMASA BERUCAP, ENCIK ANWAR BERKATA, APA YANG DIKEHENDAKI SEKARANG IALAH DASAR EKONOMI BARU (DEB) ITU BENAR-BENAR MEMBANTU USAHAWAN BUMIPUTERA DAN BUKAN MEMBANTUT PERKEMBANGAN PERNIAGAAN MEREKA.

SEHINGGA INI, DEB BELUM LAGI MENGHASILKAN USAHAWAN YANG BENAR-BENAR BERJAYA DARIPADA SEGI PRESTASI DAN JUMLAH DAN SEGALA USAHA MEMBANTU USAHAWAN BUMIPUTERA HENDAKLAH DIPERTINGKATKAN BERSUNGGUH-SUNGGUH. -- LAGI.

1723MST 14 07 90

D716

R B176 BAH
ANWAR - EKONOMI 3 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA, DASAR EKONOMI LIBERAL KERAJAAN MEMBIMBANGKAN PARA USAHAWAN KECIL KERANA DASAR ITU MENGUNTINGKAN MEREKA YANG SUDAH MEMPUNYAI TAPAK DAN BERJAYA DALAM BIDANG MASING-MASING.

PENGERUSI DPPMM WILAYAH PERSEKUTUAN ENCIK MOEHAMAD IZAT EMIR BERKATA, SUDAH ADA PIHAK TERTENTU YANG MENYUARAKAN PENDAPAT UNTUK MENGHAPUSKAN DEB SELEPAS 1990 DENGAN HARAPAN TIDAK MAHU MELIHAT BUMIPUTERA DALAM DUNIA PERNIAGAAN.

KATANYA, DASAR ITU TIDAK MERAMPAS HAK SESIAPA TETAPI MEMELIHARA HAK-HAK BUMIPUTERA UNTUK BERSAMA-SAMA DENGAN KAUM LAIN DALAM BIDANG PERNIAGAAN UNTUK MEMBANTU PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA.

YANG HADIR SAMA PADA MAJLIS ITU IALAH YANG DIPERTUA DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN MELAYU MALAYSIA, SENATOR DR NAWAWI MAT AWIN DAN SETIAUSAHA AGUNGNYA, SENATOR DATUK ABU BAKAR LAJIM. --